



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR**  
**PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : KEUSAHAWANAN**  
**KOD KURSUS : DSM 3213**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020**  
**MASA : 6 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjurusan atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjurusan bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Pelbagai mitos tentang keusahawanan yang masih menguasai pemikiran dan mentaliti masyarakat. Tafsirkan mitos usahawan yang masih wujud dalam kalangan masyarakat.

(10 markah)

**SOALAN 2**

Etika bermaksud dari segi bahasa Inggeris, iaitu ethic dan bahasa Greek, iaitu Ethas yang membawa maksud nilai-nilai atau perkara yang berkaitan dengan sikap yang menentukan tingkah laku sesuatu golongan. Aplikasi prinsip-prinsip etika yang perlu diamalkan dalam perniagaan?

(10 markah)

**SOALAN 3**

Pembudayaan inovasi dan kreativiti dalam perniagaan adalah penentu utama bagi mewujudkan pembaharuan pentadbiran yang inovatif, kreatif dan cekap untuk terus bergerak maju ke hadapan di samping melonjakkan negara ke peringkat lebih tinggi supaya dapat bersaing dengan negara maju. Jelaskan bagaimana strategi yang boleh diamalkan untuk menggalakkan kreativiti dan inovasi?

(10 markah)

**SOALAN 4**

Kemahiran mengenal pasti sumber perlu diberikan perhatian semasa memulakan sesuatu perniagaan bagi memastikan perniagaan dapat berjalan dengan lancar dan sistematik. Berdasarkan konsep yang telah anda pelajari, aplikasikan **lima (5)** kemahiran mengenal pasti sumber yang diperlukan bagi sesebuah perniagaan.

(10 markah)

**SOALAN 5**

a. Farid bercadang untuk membuka perniagaan milikan tunggal. Jelaskan kepada Farid **dua (2)** kelemahan perniagaan tersebut.

(4 markah)

b. Farid juga kurang mahir dan tiada pengalaman untuk memulakan perniagaannya itu. Cadangkan **tiga (3)** bantuan sokongan kerajaan untuk usahawan seperti Farid.

(6 markah)

**SOALAN 6**

Setiap perniagaan yang dijalankan akan menghadapi pelbagai cabaran dan masalah. Cabaran yang dihadapi para usahawan sebenarnya menguji kecekalan dan kesungguhan seseorang usahawan dalam menjalankan perniagaan. Tafsirkan **lima (5)** risiko yang mungkin wujud dalam sesebuah perniagaan.

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **semua** soalan.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Encik Hamdan telah menamatkan pengajian di Universiti Utara Malaysia dalam bidang pengurusan perniagaan. Beliau ingin membuka industri pengeluaran yang mengeluarkan sabun mandi, sabun basuh dan pencuci pinggan mangkuk yang berasaskan minyak kelapa sawit di Kulai, Johor.

- a. Nasihatkan Encik Hamdan berkenaan langkah-langkah yang perlu diambil sebelum beliau memulakan perniagaan.

(12 markah)

- b. Terangkan **dua (2)** kelebihan dan **dua (2)** kelemahan sekiranya Encik Hamdan bercadang untuk memulakan perniagaan sendiri.

(8 markah)

**SOALAN 2**

Syarikat Rahimah Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang terlibat dalam perusahaan pembuatan madu kelulut di Muar, Johor. Perusahaan ini telah ditubuhkan oleh Puan Rahimah sejak setahun yang lalu. Baru-baru ini beliau mendapati permintaan kurang memuaskan dan semakin merosot. Keadaan ini berlaku kerana terdapat dua pesaing baru di sekitar perniagaan beliau. Hal ini merunsingkan fikiran Puan Rahimah kerana beliau juga kurang berpengalaman dalam bidang promosi produk.

- a. Anda sebagai penasihat perniagaan diminta membantu Puan Rahimah untuk menyediakan langkah-langkah ramalan jualan bagi syarikat beliau.

(12 markah)

- b. Anda juga diminta mencadangkan **dua (2)** strategi promosi yang boleh membantu syarikat Puan Rahimah meningkatkan jualan syarikat beliau.

(8 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**